

## SYARAT KELAYAKAN AM & SYARAT KHAS PROGRAM

### PD002 (PRA PERDAGANGAN) : 1 Semester / 6 Bulan

#### Syarat Am Universiti :

Lulus SPM atau yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minima tiga (3) kredit / kepujian termasuk Bahasa Melayu.

#### DAN

Lulus Sejarah (Mula digunapakai SPM 2013)

#### Syarat Khas Program :

- Lulus Matematik / Matematik Tambahan
- Lulus Bahasa Inggeris

### PD007 (PRA SAINS) : 1 - 2 Semester / 6 - 12 Bulan

#### Syarat Am Universiti :

Lulus SPM atau yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minima tiga (3) kredit / kepujian termasuk Bahasa Melayu.

#### DAN

- Lulus Sejarah (Mula digunapakai SPM 2013)

#### Syarat Khas Program :

- Kepujian Matematik / Matematik Tambahan

**DAN :** Lulus Bahasa Inggeris

**Serta :** Lulus satu (1) daripada mana-mana mata pelajaran berikut:

- Fizik
- Kimia
- Biologi
- Sains Tambahan

#### Kemudahan yang disediakan :

- Pengecualian yuran pengajian
- Kemudahan asrama
- Elaun bulanan / wang sara diri



Borang permohonan boleh di muat turun di laman web

[www.mdab.uitm.edu.my](http://www.mdab.uitm.edu.my)

[www.online.uitm.edu.my](http://www.online.uitm.edu.my)

atau boleh diperolehi di kampus UiTM yang berhampiran

Untuk maklumat lanjut sila hubungi

#### Pengarah

**Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB)**

**Bangunan UiC**

**Universiti Teknologi MARA**

**40450 Shah Alam**

#### No. Pejabat :

**03 - 55437967 / 03 - 55211306**


#### Fax :

**03 - 55437969**

# PROGRAM MENGUBAH DESTINI ANAK BANGSA (MDAB)



SELANGKAH KE  
**UiTM**  
Mengubah  
destini  
anak  
bangsa



UiTM Sentiasa  
Di Ku



# PROGRAM MENGUBAH DESTINI ANAK BANGSA (MDAB)



## PENGENALAN

Program MDAB diilhamkan berasaskan idea cetusan YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dimana UiTM perlu memperuntukkan sebanyak 5000 tempat setiap semester bagi diisi oleh pelajar-pelajar miskin serta anak yatim yang berkelayakan. Program ini adalah merupakan program berbentuk tanggungjawab sosial UiTM (Corporate Social Responsibility) yang dipertanggungjawabkan kepada UiTM untuk membantu dan memajukan pelajar Melayu dan Bumiputera menguasai ilmu dan pengetahuan.

## RINGKASAN

### PROGRAM MENGUBAH DESTINI ANAK BANGSA (MDAB) UiTM

Program Mengubah Destini Anak Bangsa merupakan program di mana pelajar Melayu dan bumiputera yang gagal untuk mendapat tempat di universiti kerana merit tidak mencukupi, peningkatan kos pengajian yang tinggi dan kegagalan dalam persaingan mendapatkan tempat pengajian di IPT, dibantu untuk mencapai impian mereka. UiTM menawarkan program berdasarkan kelayakan pelajar sama ada ke program Pra Perdagangan atau Pra Sains. Sepanjang program ini juga pelajar-pelajar akan diberi pengisian akademik, pembinaan peribadi dan kerohanian serta pembangunan modal insan. UiTM percaya bahawa setiap individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu jika diberi peluang dan ruang serta penerapan nilai-nilai murni bagi membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.

## Dokumen lampiran yang perlu disahkan dan dikepilkan bersama dengan Borang Pemohonan MDAB

- ✓ Salinan Kad Pengenalan Pemohon
- ✓ Salinan SPM / SPM Ulangan
- ✓ Salinan Sijil Kelahiran Pemohon
- ✓ Salinan Kad Pengenalan Ibu & Bapa
- ✓ Salinan Sijil Kelahiran Ibu & Bapa
- ✓ Salinan Pendapatan Ibu & Bapa
- ✓ Surat Pengesahan Pendapatan
- ✓ Sijil Kematian / Penceraian ibu bapa (jika berkaitan)
- ✓ Kelulusan / Slip BR1M (jika berkaitan)

## MAKLUMAT PENTING

- Borang Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) adalah PERCUMA.
- Penubuhan program MDAB ini adalah bertujuan untuk memberi peluang pendidikan kepada anak-anak miskin Melayu dan Bumiputera di bandar dan luar bandar yang berpendapatan (gaji kasar) ibubapa kurang dari RM4,000 sebulan.
- Borang permohonan program MDAB ini sah untuk satu (1) kali permohonan sahaja. Calon yang ditawarkan perlu mengambil peluang pengajian ini sebaik-baiknya jika ditawarkan tempat.
- Pelajar yang lulus dalam Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) layak ditawarkan ke program diploma mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan oleh UiTM.
- Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon BUMIPUTERA WARGANEGARA MALAYSIA sahaja.
- Keputusan penawaran oleh UiTM adalah MUKTAMAD.